SUMBANGAN IKHLAS DARIPADA
PERSATUAN WANITA UMP
www.mydin.com.my
MYRASA
BERAS SUPER
TEMPATAN
MYDIN

matahari
SUMBANGAN IKHLAS DARIPADA
PERSATUAN WANITA UMP
Jati
Padi
BERAS SUPER SPESIAL

SUMBANGAN HASIL DARIPADA
PERSATUAN WANITA UMP
MYRASA
SPES AL

mutahari
SUMBANGAN IKHLAS DARIPADA
PERSATUAN WANITA UMP
www.mydin.com.my
Jati
Padi
BERAS SUPER SPESIAL

SUMBANGAN IKHLAS DARIPADA
PERSATUAN WANITA UMP

Community

# Persatuan Wanita UMP (Matahari) agih sumbangan kepada 34 ahlinya

30 December 2021

PAYA BESAR, 22 Disember 2021 - Cakna terhadap nasib mangsa banjir, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) menyampaikan bantuan kepada 34 orang ahli persatuan yang terjejas akibat banjir di sekitar Kuantan.

Antara sumbangan yang diserahkan termasuklah barangan keperluan harian dan makanan.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Industri (FPI) merangkap Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Dr. Mazita Mokhtar dan beberapa orang ahli jawatankuasa Persatuan Wanita Matahari.

Menurut Datin Dr. Mazita, usaha ini bertujuan untuk berkongsi kesusahan dan meringankan beban mangsa yang ditimpa musibah selain memudahkan mangsa yang telah kembali ke kediaman masing-masing yang terjejas akibat banjir.

“Sumbangan ini juga merupakan tanda keprihatinan Matahari kepada semua ahlinya yang terlibat banjir.

“Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban dan emosi yang ditanggung oleh mangsa banjir.

“Emosi mangsa juga berada dalam keadaan sangat sedih, mungkin kehadiran kita akan dapat menceriakan mereka di samping membantu meringankan bebanan yang mereka tanggung,” ujarnya.

Tambahnya, Persatuan Wanita UMP (Matahari) merupakan salah satu persatuan di UMP yang akan sentiasa bekerjasama dan turut serta membantu meringankan beban masyarakat yang memerlukan terutama ahlinya.

Semua sumbangan telah diserahkan di rumah ahli antaranya di Taman Seri Inderapura, Perumahan Bukit Rangin, Taman Pandan, Taman Gudang Rasau dan beberapa lokasi lagi.

Menurut salah seorang ahlinya yang turut terjejas dalam banjir, Suzila Ali, beliau terkejut dengan kunjungan Presiden dan beberapa orang ahli jawatankuasa ke rumahnya.

Beliau amat bersyukur dan berterima kasih dengan sumbangan yang diberikan yang berupa makanan dan kit kebersihan.

Ujarnya, pastinya semua yang menjadi mangsa banjir akan merasa sedih dengan kehilangan harta benda namun dengan kunjungan mereka dapat memberi semangat dan dorongan kepada semua ahli.

**Disediakan oleh: Nor Salwana Mohd Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)**

TAGS / KEYWORDS

PERSATUAN WANITA UMP

banjir

View PDF